

PENGARUH KEPIMPINAN PENGAMAL ADAT KAUM SULUK DALAM RITUAL KEMATIAN: SATU TINJAUAN AWAL DI SANDAKAN, SABAH

THE INFLUENCE OF THE LEADERSHIP OF THE SULUK CUSTOMARY PRACTITIONERS IN THE PRACTICE OF RITUAL DEATH: AN EXPLORATORY STUDY IN SANDAKAN, SABAH

Saifulazry Mokhtar¹

Romzi Ationg^{2*}

Nurul Ain Zulhaimi³

Nurulasyikin Muda⁴

Abang Mohd Razif Abang Muis⁷

Azlan Syafie Abdullah @ Raymond Majumah²

Anna Lynn Abu Bakar³

¹Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my)

²Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: mrationg@ums.edu.my)*

³Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: ain@ums.edu.my)

⁴Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: syikin@ums.edu.my)

⁵Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: amrazif@ums.edu.my)

⁶Pejabat Pendidikan Daerah Kudat, Sabah, Malaysia, (Email: raymondmajumah@hotmail.com)

⁷Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: annalynn@ums.edu.my)

* Corresponding Author

Article history

Received date : 25-3-2021

Revised date : 21-4-2021

Accepted date : 16-5-2021

Published date : 30-6-2021

To cite this document:

Mokhtar, S., Ationg, R., Zulhaimi, N. A., Muda, N., Muis, A. M. R. A., Majumah, A. S. A. R., & Bakar, A. L. A. (2021). Pengaruh Kepimpinan Pengamal Adat Kaum Suluk Dalam Ritual Kematian: Satu Tinjauan Awal Di Sandakan, Sabah *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 217 - 231.

Abstrak: Masyarakat Suluk sememangnya kaya dengan adat dan ritual mereka tersendiri yang diwarisi secara turun-temurun daripada generasi mereka yang terdahulu menerusi pengamal adat. Adat tradisi ini meliputi beberapa aspek kehidupan harian seperti adat perkahwinan, adat ketika mengandung, adat semasa kelahiran dan juga adat semasa berlaku kematian. Kajian ini akan melihat pengaruh kepimpinan pengamal adat kaum Suluk dalam pengamalan ritual kematian di Sandakan, Sabah yang menjadi darah daging dalam landskap kehidupan mereka. Pengkaji juga turut melihat pantang larang dan pengaruh kepimpinan pengamal adat suku kaum Suluk dalam masyarakat sewaktu berlakunya sesuatu kematian. Kajian ini berbentuk

tinjauan yang melibatkan penggunaan instrumen temu bual berstruktur manakala sampel yang dipilih adalah dalam kalangan penduduk yang sering terlibat dengan pengurusan jenazah masyarakat Suluk di Kampung Bokara, Kampung Bahagia dan Kampung Bambang di Sandakan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat dua kategori pengaruh kepimpinan pengamal adat suku kaum Suluk dalam adat dan ritual kematian di Sandakan iaitu adat semasa berlakunya kematian dan adat selepas kematian. Adat-adat yang tergolong dalam adat semasa berlakunya kematian termasuklah adat panubingan dan balu-balu, adat memandikan jenazah, adat perasapan, adat mengkafankan jenazah, adat usungan dan adat pengebumian. Bagi adat selepas kematian pula pengkaji menemui lapan adat yang biasa diaplikasikan oleh masyarakat Suluk iaitu adat pantang larang, adat bersedekah, adat memijak abu, adat menyediakan tempat tidur atau kulangan, adat magjaga-jaga, adat menyediakan dulang makanan, adat majlis kenduri dan adat sambutan hari kematian. Hasil kajian ini dapat memberikan gambaran kepada masyarakat multi-etnik bahawa terdapat persamaan dan perbezaan dalam pengamalan adat kematian antara satu kaum dengan kaum yang lain khususnya di negeri Sabah. Walaupun berada di era globalisasi, namun pengaruh kepimpinan pengamal adat kaum Suluk masih mendominasi adat dan ritual kematian mengikut tradisi dan amalan turun temurun.

Kata kunci: Pengaruh kepimpinan, pengamal adat, ritual kematian, masyarakat Suluk, Sandakan

Abstract: *The Suluk community is rich in their own customs and rituals that have been passed down through generations through indigenous practitioners. This traditional custom covers some aspects of daily life such as marriage customs, pregnant customs, birth customs and even customs during death. This study will look at the influence of the leadership of the Suluk customary practitioners in the practice of ritual death in Sandakan, Sabah which is the blood of flesh in the landscape of their lives. The study also looked at taboos and the influence of the leadership of the Suluk tribal custom practitioners in the community at the time of death. This study was conducted in the form of a survey involving the use of structured interview instruments while the samples chosen were among the villagers who were often involved with the funeral management of the Suluk community in Kampung Bokara, Kampung Bahagia and Kampung Bambang in Sandakan. The findings show that there are two categories of influence of the leadership of the Suluk tribal practitioners in the customs and rituals of death in Sandakan, which are customs during the occurrence of death and customs after death. The customs that are included in the death customs include panubingan and widows, bathing ceremonies, fumigation customs, burial customs, burial customs. For post-death customs, a reviewer discovered eight customs commonly applied by the Suluk community, namely abstinence, charity, ash worship, bed or kulangan, magjaga-jaga custom, custom of preparing food trays, scurrying ceremony customs and death day celebration customs. The results of this study can give an idea to the multiethnic community that there are similarities and differences in the practice of death customs between one race and another, especially in Sabah. Although in the era of globalization, the influence of the leadership of the Suluk custom practitioner still dominates the customs and rituals of death according to traditions and heretical practices.*

Keywords: *Influence of leadership, indigenous practitioners, ritual death, Suluk society, Sandakan*

Pengenalan

Malaysia yang terkenal dengan negara pelbagai etnik pasti memiliki adat resam dan pantang larang yang beraneka. Kepelbagaian etnik ini telah mewarnai corak kehidupan di antara satu kaum dengan kaum yang lain. Suku kaum Suluk juga tidak terlepas dari memiliki adat resam dan rantang larang tersendiri dalam rentak kehidupan mereka, termasuklah dalam adat dan ritual kematian masyarakat mereka. Menurut Zainal Abidin Borhan (1996), istilah adat merupakan satu titik pertemuan yang melibatkan adanya interaksi antara manusia dengan alam. Masyarakat Sabah terdiri daripada pelbagai suku kaum yang dikenali sebagai Bumiputera Sabah. Salah satu daripada suku kaum yang tinggal di Sabah adalah suku kaum Suluk. Etnik Suluk merupakan kumpulan etnik yang terbesar menganut agama Islam di Filipina. Masyarakat ini juga memiliki keunikan budayanya sendiri seperti pakaian dan makanan tradisional yang melambangkan keunikan budaya etnik Suluk. Masyarakat Suluk juga mempunyai bahasa perantaraannya yang tersendiri. Mereka berkomunikasi dengan menggunakan bahasa *Tausug* iaitu satu bahasa yang telah diadaptasi dari Bahasa Melayu Lama dan Bahasa Arab. Berdasarkan kepada pendapat Saleeby, Najeeb M. (1908), Bahasa *Tausug* ini terhasil daripada gabungan beberapa etnik lain seperti Tagihama, Orang Dampuan, Banjar dan Baklaya.

Menurut Jim Hanskin (1982), kaum 'Suluk' ataupun '*Tausug*' membawa maksud 'Orang Arus' berdasarkan daripada setiap perkataan yang digabungkan iaitu '*Tau*' yang bermaksud 'orang', manakala '*sug*' bermaksud '*arus*'. Keseluruhannya, 'Orang Arus' dapat diertikan sebagai orang yang menongkah arus ataupun seseorang yang melakukan aktiviti seharian bersumberkan berkaitan dengan laut. Nama ini terbentuk disebabkan demografi Kepulauan Sulu yang terdiri daripada ratusan pulau-pulau yang hampir keseluruhan masyarakatnya bekerja sebagai nelayan dan memungut hasil laut serta menggunakan sistem barter sebagai sistem perniagaan di antara masyarakat Borneo Utara (Sabah) dan Zamboanga serta kawasan lain di Nusantara. Menurut Daphne Iking (2013), masyarakat *Tausug* telah menggunakan panggilan Suluk setelah berhijrah ke Sabah.

Adat juga merupakan satu norma, akta, peraturan atau undang-undang yang tidak bertulis dengan berorientasikan kepada tingkah laku dan amalan masyarakat terdahulu. Masyarakat Suluk menamakan istilah "kematian" dengan *kiamatayan*. Di sini kita mendapati bahawa ada perkataan yang hampir sama dengan Bahasa Melayu manakala ada perkataan yang langsung tidak sama dengan Bahasa Melayu. Kedua-dua istilah ini merupakan istilah yang digunapakai oleh kaum Suluk sehingga ke hari ini. Tuntasnya, budaya kaum Suluk adalah amat kaya dengan adat-adatnya yang unik. Adat yang diamalkan oleh kaum Suluk dalam setiap budayanya menjadi simbol kepada identiti mereka sendiri. Kajian ini dijalankan berteraskan objektif untuk melihat pengaruh kepemimpinan pengamal adat kaum Suluk dalam kehidupan mereka khususnya menerusi aspek adat dan ritual kematian. Selain itu, kajian ini turut melihat apakah bentuk-bentuk adat dan ritual kematian kaum Suluk yang masih diaplikasi oleh mereka pada masa kini serta kaitan pengaplikasian adat kematian dengan pengaruh kepemimpinan pengamal adat kaum Suluk. Pengamal adat yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah merujuk kepada generasi warga emas dan mereka yang kuat berpegang kepada adat masyarakat Suluk dalam kehidupan mereka.

Tinjauan Literatur

Kematian merupakan suatu kepastian yang akan dilalui oleh setiap manusia yang hidup di muka bumi ini. Salah satu daripada tuntutan kepada orang yang masih hidup ke atas orang yang telah meninggal dunia adalah menguruskan jenazah. Pengurusan jenazah tersebut akan dilakukan

oleh mereka yang masih hidup mengikut adat dan kepercayaan suku kaum tersendiri. Dalam tinjauan literatur ini, pengkaji akan melihat kajian-kajian terdahulu berkaitan dengan adat dan ritual kematian yang pernah dijalankan oleh sarjana. Dalam kajian umum terhadap adat kematian telah dijalankan oleh Halina Sendera Mohd Yakin (2015) berkaitan dengan “*Adat Kematian Masyarakat Borneo dan Asia: Satu Tinjauan Perbandingan dari Aspek Budaya dan Pendekatan Kajian*”. Kajian tersebut dijalankan bertujuan untuk membuat analisis perbandingan terhadap literatur kesarjanaan berhubung adat kematian masyarakat Borneo dan Asia. Hasil kajian beliau mendapati terdapat beberapa konsep sejagat berhubung aspek ritual dan persamaan dari sudut pendekat penyelidikan sarjana antara masyarakat di Borneo dan Asia. Ini menunjukkan bahawa adat dan ritual tradisional masyarakat Borneo dan Asia masih relevan diamalkan sehingga ke hari ini walaupun dunia telah mencapai era kemodenan.

Selain dari kajian adat kematian masyarakat di Borneo dan Asia, terdapat juga kajian adat dan ritual kematian yang dijalankan khusus di Sabah, Malaysia menerusi kajian Saidatul Nornis Hj. Mahali (2010). Kajian yang dijalankan oleh beliau ini telah melibatkan tujuh etnik dan suku kaum yang terdapat di Sabah seperti Bajau, Iranun, Idahan, Bisaya, Bugis, Murut dan Rungus yang dikhususkan untuk membicarakan berkaitan dengan adat dan ritual kematian etnik masing-masing. Hasil kajian beliau mendapati terdapat beberapa persamaan dan perbezaan dalam adat dan ritual kematian antara satu etnik dengan etnik lain berdasarkan kepada pengamalan nenek moyang dan kefahaman mereka terhadap adat dan ritual kematian tersebut.

Kajian berkaitan dengan adat dan ritual kematian masyarakat Bajau adalah mendominasi kajian adat kematian berbanding suku kaum lain di Sabah. Misalnya pada tahun 2017, pengkaji telah menemui tiga kajian yang berunsurkan adat dan ritual kematian suku kaum Bajau. Kajian Nur Basiah Ismail, Sharifuddin Zainal dan Sim Chee Cheong (2017) melaksanakan kajian berkaitan dengan upacara adat kematian *magpaturun roh arwah ma bahagi pitu*. Menurut beliau, upacara ini adalah di antara warisan nenek moyang yang masih diamalkan dalam kalangan masyarakat Bajau Semporna hari ini. Di antara identiti persembahan ritual yang masih diaplikasikan oleh masyarakat Bajau Semporna termasuklah *ma bahagi pitu* dan *magpaturun roh arwah* yang menjadi elemen-elemen teaterikal dalam upacara adat kematian etnik Bajau Semporna. Manakala kajian Halina Sendera Mohd Yakin (2017) pula bertujuan untuk mengkaji perubahan dalam adat dan ritual kematian masyarakat Bajau dalam konteks pengaruh sistem kepercayaan dan agama Islam. Hasil kajian beliau mendapati, pada peringkat awal adat dan ritual kematian masyarakat Bajau lebih cenderung kepada pengaruh kosmologi Hinduisme dan Buddhisme. Namun setelah mereka menganut agama Islam, amalan dan tahap kepercayaan kepada adat kematian telah berubah mengikut evolusi dalam agama Islam. Ini menunjukkan bahawa amalan budaya masyarakat Bajau hari ini seolah-olah telah berubah berunsurkan sinkretisme iaitu penyesuaian dan pembauran antara kepercayaan tradisional dan amalan baharu.

Dalam kajian Nordiana Mosun dan Mohd Yuszaidy (2017) pula membicarakan berkaitan adat dan kepercayaan dalam ritual kematian masyarakat Bajau di Kampung Pengkalan Kunak, Sabah. Hasil kajian mereka mendapati masyarakat Bajau sangat menyanjung tinggi adat dan kepercayaan yang dipegang oleh suku kaum Bajau serta sikap etnosetris diri sangat kuat. Masyarakat Bajau beranggapan nilai adat dalam ritual kematian adalah satu harga diri, identiti dan maruah yang sangat tinggi nilainya serta perlu dijaga dan dipelihara oleh masyarakat Bajau. Bagi kajian Syamsul Azizul Marinsah, et.al. (2018) turut berkisar kepada adat kematian masyarakat Bajau iaitu “*Pengambilkiraan ‘Urf dan Adat dalam Fatwa Semasa: Analisis*

Terhadap Adat Kematian Bajau di Sabah". Kajian tersebut bertujuan mengemukakan adat dan 'urf masyarakat Bajau di Sabah dalam proses pengambilan *instinbath* hukum atau fatwa khususnya dalam adat kematian masyarakat Bajau. Hasil kajian tersebut mendapati terdapat banyak tokoh tambah dalam adat kematian masyarakat Bajau di Sabah sama ada 'urf yang bersifat bid'ah ('urf *fasid*) ataupun 'urf yang tidak menjejaskan proses pembinaan hukum Islam atau fatwa ('urf *sahih*). Berdasarkan kepada hasil tinjauan literatur berkaitan dengan adat dan ritual kematian, pengkaji menemui majoriti kajian berkaitan adat dan ritual kematian bersandarkan kepada masyarakat Bajau di Sabah. Kajian rinci berkaitan pengaruh kepimpinan pengamal adat suku kaum Suluk dalam adat dan ritual kematian masyarakat Suluk masih lagi berkurangan dan sangat relevan untuk dikaji. Pengkaji mengharapkan agar kajian ini dapat menjadi salah satu panduan dan rujukan kepada khalayak pembaca dalam memahami dan mengetahui adat-adat dan ritual kematian dalam masyarakat Suluk di Sandakan, Sabah.

Adat dan Ritual Kematian Kaum Suluk di Sandakan

Kematian boleh ditakrifkan sebagai pemisahan antara roh dengan jasad atau tubuh. Setiap yang bernyawa akan menemui ajal atau kematian namun tidak diketahui masa, tempoh dan tempatnya. Kematian dianggap sebagai perjalanan hidup yang baharu kerana lahirnya kepercayaan di dalamnya. Oleh hal demikian, kematian itu adalah satu kepastian dan ia bukanlah pilihan bagi makhluk yang bernyawa. Kematian akan berlaku tepat pada masanya seperti yang telah ditentukan oleh Allah SWT iaitu tidak awal ataupun lambat walaupun satu saat. Kematian itu boleh berlaku dengan pelbagai faktor dan penyebab sama ada ia boleh diterima akal ataupun tidak. Kematian yang disebabkan oleh kemalangan jalan raya, lemas, banjir besar, kebakaran, penyakit kronik, jangkitan *corona virus* (Covid-19) adalah biasa terjadi dan didengar. Manakala kematian yang disebabkan oleh sihir, santau, *santet* pula merupakan bentuk kematian yang sukar diterima oleh akal fikiran. Walau apapun bentuk dan faktor yang menyebabkan seseorang itu meninggal dunia, ia adalah satu '*asbab*' sahaja kerana apa yang pasti adalah tempoh kehidupannya di dunia ini sudah berakhir.

Tahap penghayatan masyarakat Suluk terhadap aspek kematian adalah sejajar dengan masyarakat-masyarakat lain di negara ini. Kaum Suluk di Sandakan juga sangat menitikberatkan hal yang berkaitan dengan kematian serta adat-adat dan pantang larang khususnya bagi pengamal adat. Mengambil mudah dalam urusan pengurusan berkaitan kematian merupakan satu aspek yang perlu diberi perhatian agar ia tidak melanggar etika adat masyarakat Suluk. Adat dan pantang larang dalam kematian bagi masyarakat Suluk di Sandakan masih diamalkan sehingga kini berdasarkan Islam dan kepercayaan masyarakat Suluk oleh pengamal adat. Mereka juga percaya bahawa pengurusan jenazah yang baik dan bertepatan dengan kehendak Islam dan adat akan mendapat kesenangan hidup di akhirat kelak. Menurut Yap Beng Liang (1993), masyarakat Suluk percaya bahawa cara pelaksanaan pengebumian yang betul akan mempengaruhi imbalan yang diterima oleh si mati di akhirat. Oleh itu, masyarakat berbangsa Suluk sangat teliti dalam pelaksanaan ritual kematian dari awal sehingga akhir pengebumian. Mereka beranggapan bahawa si mati akan menerima kesenangan di alam lainnya dan itulah merupakan amal jariah terakhir mereka buat si mati.

Adat merupakan ketetapan kelakuan bagi sesuatu kelompok komuniti masyarakat. Menurut Zainal Abidin Borhan (1996), setiap masyarakat dan suku kaum sudah tentu mempunyai gaya hidup dan pemikiran yang dapat mempengaruhi nilai-nilai etika komuniti mereka. Ini kerana adat yang dipegang dalam sesebuah masyarakat itu dijadikan sebagai cerminan jati diri dan budaya kehidupan mereka. Menurut Nordin Selat (1976), adat itu adalah satu peraturan hidup

di dunia: “Hidup dikandung adat; mati dikandung tanah.” Yang menjadi tujuan adat ialah kebaikan – “Adat menimbulkan yang baik, menghilangkan yang buruk”. Adat berguna kerana ia membawa ketenteraman dalam masyarakat – “Adat sentosa di dalam negeri. Dengan terpaksa kepada pendapat inilah, pengamal adat dalam masyarakat Suluk di Sandakan cuba mengekalkan keaslian adat kematian suku kaumnya walaupun ada dalam kalangan adat kematian tersebut telah digabung jalinkan dengan adat kematian dalam agama Islam.

Pada asasnya, aspek adat dan pantang larang yang ada dalam sesuatu kaum itu sangat luas dan bersifat subjektif. Ia meliputi seluruh aspek kehidupan termasuklah dalam aspek, kelahiran, perkahwinan, pemakaian, pemakanan, kematian dan sebagainya. Dalam masyarakat Suluk, pengebumian jenazah haruslah diuruskan oleh keluarga atau pun saudara-mara si mati, di mana jenazah haruslah dikebumikan dengan teliti dan betul sebagai satu tanda penghormatan terakhir. Adat kematian bagi suku kaum Suluk tidak jauh beza dengan adat kematian suku kaum Bajau di Sabah dan masih mengikut hukum-hukum Islam walaupun terdapat sedikit sebanyak dipengaruhi adat yang diwarisi dari turun-temurun. Bagi melihat adat dan ritual kematian masyarakat Suluk di Sandakan dengan lebih dekat, berikut adalah kupasan adat-adat kematian yang diamalkan oleh pengamal adat Suluk semasa dan selepas kematian seseorang.

Adat Semasa Kematian

Pengaruh kepimpinan pengamal adat kaum Suluk bagi adat-adat semasa berlakunya kematian dalam masyarakat Suluk adalah seperti berikut;

i. Adat Panubingan dan Balu-balu

Dalam masyarakat Suluk, perkara pertama yang perlu dilakukan oleh ahli keluarga si mati adalah melakukan adat *panubingan*. Menurut Hatta Yunus@Sawabi (2021), adat ini merupakan perkara wajib yang perlu dilakukan oleh keluarga si mati suatu ketika dahulu, namun pada masa kini ada sesetengah ahli keluarga mewakilkan imam untuk melakukannya. Adat *panubingan* ini adalah adat di mana ahli keluarga perlu membersihkan dahulu tubuh badan jenazah seperti memastikan jenazah berada dalam keadaan bersih dari najis, melembutkan anggota badan jenazah yang keras dan sebagainya. Masyarakat Suluk berpendapat, jika adat *panubingan* ini belum dilaksanakan, maka jenazah tidak boleh di bacakan Yasin kerana berada dalam keadaan kotor. Setelah adat ini dilakukan, barulah jenazah tersebut di bawa ke ruang tamu atau di tengah rumah bagi saudara mara yang mahu memberi penghormatan terakhir dan majlis bacaan *Yasin*.

Selepas itu, masyarakat Suluk akan mengamalkan adat *balu-balu* iaitu menghubungi ahli keluarga terdekat mengenai berita kematian (Muda Maraki, 2020). Adat *balu-balu* ini bertujuan untuk memastikan kesemua ahli keluarga si ‘mati’ berpeluang untuk melihatnya sebelum dikuburkan dan dapat membantu menguruskan jenazah serta meringankan beban ahli keluarganya. Suatu Ketika dahulu adat balu-balu ini dilakukan secara tradisional bagi menyebarkan hal kematian kepada orang ramai. Masyarakat Suluk menggunakan gong sebagai agen penyebaran maklumat kematian tersebut. Gong yang digunakan dalam adat balu-balu ini dibezakan dengan kaedah pemukulan gong yang mempunyai cara tersendiri bagi membezakan jantina jenazah si mati serta menentukan sama ada si mati tersebut orang dewasa, remaja ataupun kanak-kanak. Jika si mati merupakan seorang lelaki dewasa maka paluan gong adalah sebanyak 11 kali. Jika si mati merupakan seorang perempuan dewasa, maka paluan gongnya adalah sebanyak 9 kali. Manakala bagi remaja pula sebanyak 7 kali paluan dan budak kecil atau kanak-kanak adalah sebanyak 5 kali paluan. Menurut masyarakat Suluk, kesemua paluan tersebut hendaklah dipalu secara berterusan sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa henti dengan

irama tertentu. Pada kebiasaannya, terdapat dua orang pemukul gong yang terlibat dalam adat ini dan mereka akan saling berbalas pukulan gong antara satu sama lain.

Selain itu, adat balu-baluk ini turut disebarkan menerusi pemberitahuan ahli keluarga dari rumah ke rumah (Jimlan Assi, 2020). Hal ini dilakukan kerana jarak antara satu rumah dengan satu rumah yang lain berada dalam jarak yang dekat. Tambahan beliauk lagi, jarak rumah yang ada di Kampung Bambang Sandakan ini sekitar 1 sehingga 1.5 km sahaja. Pendekatan adat balu-baluk ini lebih mudah disebarkan menerusi dari rumah ke rumah. Namun, dengan kecanggihan teknologi, adat balu-baluk ini tidak lagi menggunakan kaedah rumah ke rumah sepenuhnya. Malah masyarakat Suluk di Sandakan telah menggunakan medium telefon, aplikasi *whatsapp*, *facebook*, *Instagram* dan sebagainya. Bagi mereka, penggunaan medium teknologi ini lebih pantas, cepat dan menjimatkan masa untuk menyebarkan berita kematian salah seorang daripada penduduk di kampung berkenaan. Langkah seterusnya adalah menyediakan peralatan asas sebagai persediaan untuk mengkhafankan dan menguburkan si 'mati'. Ahli keluarga perlulah menyediakan barang-barang tertentu seperti kain kafan, alatan kuburan dan sebagainya. Ahli keluarga juga perlu memastikan terdapat orang yang pakar dalam bidang memandikan jenazah hadir untuk membantu memandikan jenazah. Seterusnya, ahli keluarga juga perlu membacakan ayat-ayat al-Quran ke atas pemergian jenazah sebagai tanda sedekah kepadanya serta berniat untuk menambah amalan pahala si 'mati'. Perbuatan ini perlu dilakukan sehingga jenazah telah dibawa pergi untuk proses penguburan (Muda Maraki, 2020).

ii. Adat Memandikan Jenazah

Adat memandikan jenazah pada asasnya adalah sama dengan kaedah memandikan jenazah umat Islam yang lain. Namun terdapat sedikit perbezaan dari sudut upah memandikan jenazah serta penggunaan air dalam membersihkan jenazah tersebut. Imam, ustaz adat bidan yang diamanahkan oleh ahli keluarga untuk menguruskan jenazah tersebut perlulah menunaikan tanggungjawab itu dengan sebaik mungkin. Dalam masyarakat Suluk di Kampung Bambang, Kampung Bokara dan Kampung Bahagia Sandakan mereka yang telah diamanahkan untuk memandikan jenazah akan diberikan sebentuk cincin emas kepunyaan si mati atau ahli keluarganya sebagai tanda terima kasih kerana telah menyucikan jenazah tersebut. Sekiranya tidak diberikan, mereka berhak menuntut cincin tersebut kepada ahli keluarga si mati. Namun, terdapat juga sesetengah keluarga si mati yang bukan dari golongan berharta dan tidak mampu untuk menyediakan sebentuk cincin emas kepada orang yang telah diamanahkan untuk memandikan jenazah maka ahli keluarga si mati akan memberikan sejumlah wang atau pakaian (kain pelikat atau kain batik) ataupun pinggan mangkuk yang berisikan beras kepada imam, ustaz atau bidan yang telah berjasa kepada ahli keluarga si mati.

Setelah dimandikan dengan air mutlak, masyarakat sukuk aum Suluk di Sandakan akan membasuh rambut dan badan jenazah dengan menggunakan *air lubi*. Menurut Jimlan Assi (2020), *air lubi* ini dikenali sebagai air santan yang berfungsi untuk menghilangkan segala daki yang terdapat di celah-celah rambut dan kulit kepala serta menanggalkan daki yang terdapat pada badan si mati. Selain itu ia juga berperanan sebagai bahan organik yang mampu untuk melembapkan kulit dan menghilangkan segala daki dan kekotoran pada tubuh jenazah (Syamsul Azizul, Mohd Nur Hidayat Hasbollah dan Mohd Anuar, 2019). Menurut Muda Maraki (2020), air santan yang digunakan dalam memandikan jenazah tersebut adalah diambil dari buah kelapa segar dan di kupas serta diproses untuk mendapatkan santan segar, bukan menggunakan santan segera atau santan yang ada di dalam kotak. Setelah anggota badan si mati bersih, imam, ustaz atau bidan akan mewudukkan jenazah tersebut sepertimana wuduk bagi

seseorang yang ingin menunaikan ibadah solat. Langkah terakhir dalam proses memandikan jenazah adalah menggunakan *Air Sembilan*. Dalam adat dan kepercayaan masyarakat Suluk, *Air Sembilan* ini adalah mandian terakhir yang membolehkan seseorang jenazah itu benar-benar suci. Menurut Jimlan Assi (2020), *Air sembilan* ini dinamakan sebagai *Air Sembilan* kerana jenazah akan dimandikan dengan menggunakan sembilan gayung air. *Air Sembilan* ini juga sinonim dengan mandi wajib yang ada dalam kaedah memandikan jenazah menurut Islam. Dengan berakhirnya mandi *Air Sembilan* ini, maka sempurnalah proses memandikan jenazah dalam penghayatan masyarakat Suluk di Sandakan.

iii. *Adat Perasapan*

Adat ini dinamakan sebagai adat perasapan di mana ia menjadi kebiasaan dalam upacara kematian masyarakat Suluk. Perasapan dihasilkan dengan menggunakan kemenyan di mana bau wangi darinya dianggap sebagai rahmat dan simbolik kepada sesuatu upacara sama ada kematian mahupun kenduri (Nordiana Mosum dan Mohd Yuszaidy, 2018). Menurut Jimlan Assi (2020), sewaktu proses memandikan jenazah, adat perasapan ini tidak lagi menggunakan asap kemenyan sebaliknya masyarakat Suluk menggunakan *setanggi*. Lidi *setanggi* ini akan dibakar sepanjang proses memandikan jenazah bertujuan untuk menghilangkan bau-bauan yang kurang enak dari jenazah dan menghalang kehadiran lalat bagi meneglakkan tanggapan buruk masyarakat terhadap keluarga si mati (Hata Yunus@Sawabi, 2021). Ini kerana tidak semua jenazah yang dimandikan tersebut berbau wangi tetapi ada juga sebaliknya. Walau bagaimanapun, amalan adat perasapan ini sudah tidak lagi diamalkan secara khusus dalam masyarakat Suluk pada masa kini kerana ia dianggap bercanggah dengan ajaran Islam (Romawi Assi, 2020).

iv. *Adat mengafankan jenazah*

Menurut adat dan ritual masyarakat Suluk di Sandakan, jenazah akan dikafankan sebanyak dua kali atau dua lapisan. Untuk pertama kalinya, jenazah akan dipakaikan baju dan seluar putih yang diperbuat daripada kain putih atau kain kapan. Setelah dipakaikan dengan lapisan pertama, jenazah akan dibungkus pula dengan kain kapan. Setelah dikafankan jenazah akan disedekahkan bacaan Talqin, tikar pandan berwarna putih, baju sepasang dan songkok (topi) atau serban sekiranya jenazah adalah lelaki dan sebetuk cincin dan sedekah wang seberapa yang ikhlas (Muda Maraki, 2020). Penyediaan tiduran untuk jenazah adalah seperti tilam, tikar putih, kain putih, dan pakaian jenazah yang dipakai selama jenazah hidup. Setelah selesai mengkapankan jenazah, para tetamu dan orang ramai akan bersiap sedia untuk menunaikan solat jenazah. Pelaksanaan solat jenazah bagi masyarakat Suluk adalah sama seperti pelaksanaan solat jenazah bagi orang Islam.

v. *Adat Usungan dan adat Naja-naja*

Setelah selesai menunaikan solat jenazah, proses untuk pengebumian akan diteruskan. Jenazah akan diletakkan dalam keranda untuk dibawa ke tanah perkuburan dengan amalan adat *usungan*. Usung bermaksud benda atau alat yang digunakan untuk mengangkat jenazah manakala, *usungan* bermaksud kaedah atau pun cara yang digunakan untuk mengangkat jenazah ke tempat pengebumian. Secara amnya, apabila jenazah selesai dimandi dan dikafankan, maka jenazah akan dimasukkan ke dalam keranda. Seterusnya, keranda jenazah itu akan dimasukkan ke dalam usungan yang telah disediakan. Sebelum jenazah diusung ke tanah perkuburan, masyarakat Suluk akan melakukan adat *naja-naja*. Adat *naja-naja* ini hanya melibatkan ahli keluarga dan saudara mara terdekat sahaja di mana mereka dikehendaki berjalan ulang alik di bawah keranda sebanyak tiga kali di hadapan rumah sejurus sahaja

keranda di angkat untuk di bawa ke tempat pengebumian. Menurut Gaffad Haron (2020), adat dan ritual ini diamalkan adalah bertujuan supaya ahli keluarga dan saudara mara terdekat tidak terlalu sedih dan teringatkan si mati serta roh si mati pula tidak terlalu merindukan ahli keluarga yang ditinggalkan olehnya.

Tugas membawa usungan akan diletakkan bawah tanggungjawab ahli keluarga, saudara-mara ataupun kaum kerabat di mana mereka akan mengambil bahagian di depan dan belakang *usungan* untuk bersama-sama mengusung jenazah secara bergilir-gilir sambil mengalunkan selawat sehinggalah sampai ke tapak perkuburan (Nordiana Mosum dan Mohd Yuszaidy, 2018). Sepanjang proses pengusungan jenazah ini sememangnya merangkumi unsur-unsur adat istiadat dan kepercayaan suku kaum masing-masing. Namun demikian, kepercayaan itu haruslah diteruskan demi menghormati tradisi yang diamalkan sejak berzaman lagi oleh pengamal adat. Pelaksanaan adat usungan ini membuktikan bahawa pengaruh kepimpinan pengamal adat suku Suluk masih berpengaruh sehingga ke hari ini walaupun tidak semua masyarakat berpegang teguh dengan adat tersebut. Walau bagaimanapun, menurut Hatta Yunus@Sawabi (2021), kebanyakan adat-adat Suluk yang ada pada hari ini adalah berlaku kerana pertembungan budaya antara masyarakat Suluk dengan Bajau di mana masyarakat Suluk terikut-ikut dengan budaya masyarakat Bajau dalam pelbagai aspek.

vi. Adat Pengebumian

Masyarakat Suluk turut mempunyai adat pengebumian jenazah yang tersendiri. Sebelum kubur digali, seseorang penggali kubur mestilah memberi salam kepada penghuni kubur dan berselawat ke atas nabi terlebih dahulu. Setelah selesai, barulah kubur si mati boleh digali. Menurut Jimlan Assi (2020), masyarakat Suluk masih mengamalkan penggunaan payung untuk si mati yang digunakan semasa mengiring jenazah sehingga ke tanah perkuburan. Penyediaan kaki payung tersebut diperbuat daripada kayu manakala peneduh pula daripada kain putih bagi masyarakat biasa manakala kain berwarna kuning bagi jenazah dalam kalangan bangsawan atau Syarif. Peneduh tersebut dibuat dalam bilangan ganjil iaitu sama ada 1,3,5 atau 7 bagi golongan biasa ataupun golongan bangsawan atau Syarif.

Setelah jenazah dimasukkan ke dalam liang lahad, seseorang akan melaungkan azan bagi jenazah lelaki manakala laungan iqamah bagi jenazah perempuan. Adat ini diambil sempena sambutan awal kelahiran seseorang itu, jika disambut dengan lafaz azan maka perlulah ditutup dan diakhiri dengan lafaz azan juga. Selepas selesai, imam akan membaca talqin dan doa kepada si mati agar rohnya akan tenteram di alam kubur. Setelah itu, ahli keluarga atau imam akan meletakkan kayu untuk dijadikan sebagai batu nisan. Batu nisan tersebut akan diikat dengan dengan perca kain berwarna putih bagi masyarakat biasa manakala dengan perca kain berwarna kuning bagi golongan bangsawan atau Syarif. Adat terakhir dalam adat pengebumian ini ialah adat menyiram kuburan oleh ahli keluarga dan saudara mara yang hadir dalam majlis pengebumian tersebut. Air yang disiram oleh mereka tersebut adalah air yang telah dicampur dengan cendana atau air bunga ke atas permukaan kubur si mati. Adat dan amalan ini diamalkan kerana masyarakat Suluk mempercayai bahawa jenazah yang berada di dalam kubur tersebut sedang kehausan. Setelah selesai adat menyiram tersebut, barulah mereka pulang ke rumah untuk menyediakan kelengkapan-kelengkapan adat yang seterusnya.

Adat Selepas Kematian

Setelah selesai urusan pengebumian, masyarakat Suluk yang berpegang dengan kepimpinan pengamal adat suku Suluk akan terus melaksanakan adat dan ritual selepas kematian terhadap ahli keluarga terdekat. Dalam adat dan ritual selepas kematian ini, terdapat beberapa adat dan ritual yang masih diaplikasi oleh masyarakat Suluk dalam kehidupan mereka sejak dahulu hingga kini berdasarkan kepada pengamal adat di Sandakan. Berikut adalah adat-adat yang diamalkan selepas kematian masyarakat Suluk iaitu;

i. Adat Pantang Larang

Dalam masyarakat Suluk, hari pertama selepas berlakunya kematian seseorang dikenali sebagai *adlak kallak*. Pada hari ini, terdapat banyak pantang larang yang perlu dipatuhi oleh seluruh ahli keluarganya. Menurut kepercayaan masyarakat Suluk, pantang larang tersebut perlu dipatuhi bagi menghormati adat resam yang telah diwarisi oleh nenek moyang mereka terdahulu. Apabila seseorang itu meninggal dunia, ahli keluarga terdekat dilarang untuk melakukan kerja-kerja di rumah seperti menyapu ketika mayat si mati masih berada di dalam rumah. Pantang larang ini diamalkan bertujuan untuk menghormati arwah. Menurut Jimlan Assi (2020) salah satu daripadanya ialah ahli keluarga terdekat dilarang keluar atas tujuan untuk hiburan. Larangan keluar hanya berakhir sehingga kenduri arwah diadakan yang pada kebiasaannya dijalankan seminggu selepas atau menjelang hari ke-40 arwah meninggalkan dunia.

Selain itu, ahli keluarga arwah dinasihatkan agar sentiasa berhati-hati ketika memegang benda atau objek yang berupa kaca kerana dilarang ada objek berkaca pecah. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan berlakunya satu lagi kematian di dalam ahli keluarga si mati tersebut. Pantang larang seterusnya adalah ahli keluarga si mati tidak boleh makan nasi di dalam periuk semasa mayat masih baharu atau belum dikebumikan. Menurut kepercayaan kaum Suluk, apabila seseorang itu makan nasi yang ada di dalam periuk, muka mereka akan ditumbuhi jerawat. Selain daripada itu, pihak perempuan iaitu ahli keluarga arwah dilarang untuk berdandankan diri semasa adanya kematian yang berlaku dalam keluarga mereka. Kaum ini percaya bahawa apabila seseorang ahli itu mendandankan diri semasa hari kematian, maka perbuatan itu akan menjadi 'habit' atau boleh juga dikatakan menjadi taksu atau lebih jelas lagi menjadi gila terhadap perbuatan tersebut (Romawi Assi, 2020).

Kaum Suluk juga percaya bahawa apabila salah seorang ahli keluarga arwah mandi semasa hari kematian, mereka percaya orang itu akan turut meninggal dunia kerana dikatakan roh mereka turut ikut roh si mati. Tambahan, mayat arwah tidak boleh dilangkah oleh orang yang masih hidup kerana mereka percaya bahawa mayat yang dilangkah akan bangkit semula dari kematian. Ahli keluarga yang berketurunan kaum Suluk juga dilarang untuk menjahit selama 40 hari semasa hari kematian. Perbuatan ini merupakan perbuatan turun menurun dari nenek moyang mereka (Muda Maraki, 2020). Selain daripada mengikut pantang larang dan kepercayaan yang diturunkan secara turun-temurun, kaum Suluk ini juga mempunyai agama dan mereka mengadakan majlis kenduri untuk si mati. Kenduri diadakan sebanyak 3 kali iaitu kenduri 1 minggu (mula dari tarikh kematian arwah), kenduri 40 hari (selepas arwah dikebumikan) dan kenduri 100 hari untuk memperingati pemergian arwah. Semasa kenduri diadakan, wajib ada dulang yang berbentuk bulat dan diisi nasi kuning, ayam kuning, kuih penyaram (dikatakan kuih penyaram itu perlu disimpan separuh untuk bahagian arwah) dan lauk - lauk lain.

ii. Adat Bersedekah

Amalan bersedekah merupakan satu amalan kebiasaan yang dilakukan oleh mana-mana suku kaum yang beragama Islam. Ini kerana amalan tersebut sangat-sangat dituntut oleh agama Islam sebagai amalan kebajikan dan kebaikan. Dalam Islam, amalan bersedekah ini bukan suatu kewajipan yang dituntut ke atas setiap individu, namun ia dituntut ke atas sesiapa sahaja yang berkemampuan untuk melaksanakannya. Bersedekah bukan hanya terikat dengan nilai wang ringgit, tetapi skop pelaksanaannya adalah lebih meluas lagi. Dalam adat dan ritual masyarakat Suluk, apabila proses pengebumian selesai, ahli keluarga akan melakukan amalan adat bersedekah ini kepada setiap individu yang telah membantu pengurusan jenazah dari mula kematian sehingga selesai pengebumian. Adat bersedekah ini diamalkan adalah sebagai tanda terima kasih kepada mereka yang sudi membantu menguruskan jenazah ahli keluarganya. Menurut Abd Mazli Gaffad (2020) pemberian sedekah ini tetap dilakukan dari turun temurun walaupun semasa zaman berteknologi kini. Golongan yang kurang berkemampuan tetap memberi dan disedekahkan atas nama ahli keluarga yang telah meninggal dunia tersebut. Oleh itu, kaya atau miskin bukan ukuran untuk memberi sedekah kepada sesiapa sahaja (Muda Maraki, 2020).

iii. Adat Memijak Abu

Menurut Jimlan Assi (2020), adat asal masyarakat Suluk selepas pulang dari pengebumian seseorang adalah adat memijak abu. Adat memijak abu ini perlu dilakukan oleh semua ahli keluarga sebelum mereka melangkah kaki memasuki rumah mereka. Masyarakat Suluk akan membakar sesuatu sama ada kayu, sabut atau daun-daun kering bagi memperolehi abu. Setelah api terpadam, abu dari pembakaran itu akan dibiarkan sejuk terlebih dahulu. Setelah itu, semua ahli keluarga si mati akan memijak abu tersebut dan kemudiannya kaki mereka akan disiram dengan air. Menurut Hata Yunus@Sawabi (2021), suatu ketika dahulu masyarakat Suluk menggunakan dapur kayu untuk memasak, jadi mereka menggunakan abu dari dapur tersebut untuk melakukan adat ini. Adat memijak abu diamalkan kerana masyarakat Suluk mempercayai bahawa hal ini dapat menghindari mereka daripada gangguan roh-roh jahat yang mengikuti mereka dari kawasan perkuburan sehingga ke rumah. Ia sekaligus dapat menghalang roh-roh jahat untuk memasuki dan mengganggu ahli keluarga si mati. Walau bagaimanapun, amalan memijak abu ini tidak lagi dijadikan sebagai amalan dalam masyarakat Suluk masa kini kerana ia dianggap bertentangan dengan ajaran Islam tetapi menggantikan adat tersebut dengan membasuh kaki mereka menggunakan air yang bersih (Hata Yunus@Sawabi, 2021).

iv. Adat Menyediakan Tempat Tidur / *Kulangan*

Selepas pengebumian jenazah, proses seterusnya dilakukan ialah menyediakan *kulangan* yang bermaksud tempat tidur si mati. Ahli keluarga si mati perlu menyediakan *kulangan* ini di ruang tamu atau di ruang yang boleh dilihat oleh tetamu. *Kulangan* ini disediakan bertujuan sebagai tempat persiapan untuk kepulangan roh si mati dan supaya para tetamu yang hadir dapat mengetahui bahawa keluarga berkenaan berada dalam kesedihan setelah ada dalam kalangan ahli keluarganya yang meninggal dunia. Menurut kepercayaan masyarakat Suluk, roh arwah yang baharu sahaja meninggal dunia masih ada bersama ahli keluarganya. Oleh kerana itulah adat menyediakan tempat tidur si mati atau *kulangan* perlu disediakan oleh keluarga. Menurut Hata Yunus@Sawabi (2021), pada masa dahulu *kulangan* ini disediakan sepenuhnya oleh imam yang dilantik oleh ahli keluarga. Pada masa yang sama, semua pakai si mati akan dilipat dan disusun di tepi tilam berhampiran *kulangan* yang disediakan. *Rihanan* atau pun tikar merupakan tempat baringan atau istirehat si mati di mana *rihanan* itu akan diletakkan sepasang tilam, cadar dan bantal dan bersama-sama dihidangkan makan minum yang mempercayai akan dinikmati

oleh si mati ketika pulang ke rumah. Hidangan makanan itu sebenarnya akan diberikan kepada barisan jemaah yang hadir membacakan tahlil dan lain-lain. Nikmat yang dimakan oleh para penerima dikatakan rahmat kepada di mati (Nordiana Mosum dan Mohd Yuszaidy, 2017). Apabila sampai hari ke tujuh kematian seseorang, tilam atau tempat *kulangan* yang disediakan oleh ahli keluarga perlu dibawa ke kubur si mati untuk ditanam semula bersama arwah. Ini kerana, masyarakat Suluk percaya bahawa roh arwah itu akan kembali semula ke alam roh. Walau bagaimanapun, amalan adat ini tidak lagi diikuti oleh masyarakat Suluk pada masa ini.

v. *Adat Magjaja-jaga*

Magjaja-jaga bermaksud menjaga jenazah sebelum acara pengebumian dilakukan sekiranya si mati meninggal dunia pada sebelah malam dan dijalankan selepas ritual pengebumian jenazah. Tujuan jenazah dijaga adalah untuk mengelakkan sebarang bencana yang tidak diinginkan terjadi sepanjang tempoh kematian di mana kebiasaannya dilakukan sehingga tujuh hari selepas kematian. Selain itu, tujuan lainnya adalah untuk memberi sedekah kepada si mati dengan bacaan al-Quran di tanah perkuburan mengikut tempoh masa yang ditentukan oleh keluarga si mati. Proses ini juga penting dan amat dititikberatkan oleh masyarakat Suluk yang bertujuan untuk memudahkan proses pengebumian dan memastikan pemergian si mati dapat berjalan dengan tenang dan ia merupakan penghormatan terakhir untuk si mati. Adat dan ritual ini masih kuat dipegang oleh pengamal adat suku Suluk di Sandakan.

vi. *Adat Menyediakan Dulang Makanan*

Adat seterusnya adalah adat menyediakan dulang makanan untuk roh si mati. Adat menyediakan dulang makanan ini adalah sejajar dengan adat *kulangan*. Ini kerana, dulang yang berisi makanan kegemaran si mati sewaktu hidup itu akan diletakkan berhampiran dengan *kulangan* si mati yang disediakan tersebut. Menurut Romawi Assi (2020) dan Muda Maraki (2020), syarat bagi penyediaan dulang makanan tersebut perlu dilakukan oleh ibu atau bapa si mati yang masih hidup. Rasionalnya adalah kerana hanya ibu atau bapa sahaja yang memahami dan mengetahui makanan kesukaan anaknya itu. Setelah penyediaan dulang makanan tersebut disediakan, bekas makanan yang berada di dalam dulang tersebut akan disedekahkan kepada imam yang mengetuai majlis bacaan tahlil tersebut. Adat ini merupakan satu syarat wajib yang mesti dipenuhi oleh masyarakat Suluk setiap kali berlakunya kematian.

vii. *Adat Majlis Kenduri*

Masyarakat Suluk turut mengadakan majlis kenduri selepas berlakunya kematian. Menurut Jimlan Assi (2020), adat majlis kenduri yang masih diamalkan di Kampung Bambang adalah pada hari ke 7, hari ke 40 dan hari ke 100 kematian. Sebelum ini, adat majlis kenduri yang dilakukan oleh masyarakat Suluk adalah pada hari ke 3, hari ke 7, hari ke 20, hari ke 40 dan hari ke 100 kematian (Hata Yunus@Sawabi, 2021). Walau bagaimanapun, adat majlis kenduri di Kampung Bahagia pula kekal dengan adat sambutan majlis kenduri pada hari ke 7, hari ke 40 dan hari ke 100 kematian (Muda Maraki, 2020). Masyarakat Suluk berpendapat bahawa majlis kenduri tahlil ini perlu dilakukan bagi memperingatkan diri dan masyarakat Suluk terhadap kematian yang pasti akan terjadi kepada setiap makhluk yang bernyawa. Selain itu, bacaan tahlil, surah Yasin dan doa yang dipanjatkan dalam majlis kenduri tersebut juga akan disedekahkan kepada si mati agar rohnya tenang di alam kubur. Dengan melaksanakan majlis kenduri ini juga, hubungan antara saudara mara, jiran dan penduduk kampung dapat dieratkan lagi bagi melahirkan sebuah masyarakat yang aman dan harmoni.

viii. Adat Sambutan Hari Kematian

Adat dan ritual kematian masyarakat Suluk yang terakhir adalah adat sambutan hari kematian. Adat ini turut dikenali sebagai kenduri tahlil dalam masyarakat lain (Hata Yunus@Sawabi, 2021). Kenduri tahlil adalah himpunan doa-doa dan surah-surah yang khasnya ditujukan kepada arwah. Semasa doa berlangsung, ahli keluarga dan kaum kerabat si mati akan menyediakan dulang bulat dengan hidangan seperti nasi kuning, ayam kampung, telur rebus, kuih penyaram dan juga lauk-lauk yang lain diletakkan dalam piring kecil disusun atas dulang tersebut. Telur rebus dan juga kuih penyaram atau juga dikenali sebagai *pannyam* dalam Suluk merupakan makanan utama yang harus disediakan. Setelah doa tersebut, mereka akan menyimpan beberapa kuih penyaram sama ada dalam peti ais atau juga dimana-mana tempat tertutup tujuan untuk memberi makanan kepada arwah. Kaum Suluk turut mempunyai kepercayaan bahawa roh orang yang meninggal akan terus bersama mereka sehinggalah kenduri 7 hari. Apabila salah satu daripada ahli keluarga terdekat yang jatuh sakit sepanjang tempoh sebelum kenduri 7 hari, mereka mempercayai bahawa arwah telah mencuba untuk menegur mereka atau juga telah berlanggar dengan mereka.

Penutup

Secara keseluruhannya, adat adalah sesuatu perkara yang dilakukan dalam jangka masa yang lama dan diperoleh daripada ajaran budaya, agama mahupun zaman. Adat kematian merupakan norma kehidupan bagi setiap insan di bumi ini tidak kira agama, bangsa mahupun darjat. Kelahiran adalah anugerah serta kitaran kehidupan manusia manakala kematian juga merupakan kitaran hidup namun bukanlah bencana tetapi ia adalah lumrah alam. Oleh hal yang demikian, semua masyarakat semestinya mempunyai adat-adat dan pantang larang yang berlainan mengikut agama dan kepercayaan masing-masing. Setiap kepercayaan yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat adalah undang-undang yang tidak bertulis namun diamalkan sejak turun-temurun berdasarkan sejarah nenek moyang dan pengamal adat dalam masyarakat mereka. Di samping itu, masyarakat lain haruslah menghormati budaya atau kepercayaan individu yang lain meskipun bertentangan dengan kepercayaan diri sendiri. Setiap upacara dan pantang larang berkaitan kematian yang dilakukan oleh masyarakat Suluk di Sabah membawa maksud-maksud tertentu sama ada tersurat ataupun tersirat. Upacara kematian yang tidak mengikut adat dengan betul akan menjadi tidak lengkap dan tidak sempurna. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat Suluk mempercayai bahawa upacara ini haruslah dilakukan secara berperingkat kerana dianggap sebagai satu kewajiban bagi suku kaum mereka. Berdasarkan ketertiban dan susunan kehidupan suku kaum Suluk ini, peraturan dan undang-undang yang telah diatur dan ditetapkan adalah supaya kelompok mereka menjaga tatasusila dan ajaran nenek moyang mereka sehingga boleh menyebabkan malu dan menconteng arang kepada peradaban dan kepercayaan etnik Suluk di Sabah ini. Apabila diteliti dan difahami tentang adat kelahiran dan adat kematian masyarakat Suluk ini, kita akan dapat melihat bahawa adat dan ritual kematian yang dijalankan tersebut bertujuan supaya keluarga si mati dapat melupakan kesedihan kerana kehilangan ahli keluarga dan juga orang yang tersayang. Namun demikian, sekiranya kita mendalami dengan lebih dekat, ia adalah sebagai satu bentuk iktibar agar setiap anggota masyarakat menerima takdir atau fitrah bahawa kematian adalah sesuatu perkara yang pasti akan menimpa makhluk yang bernyawa. Ini jelas menunjukkan bahawa kepimpinan pengamal adat suku kaum Suluk sangat berpengaruh dalam mempertahankan adat dan ritual kematian masyarakatnya tanpa dibatasi oleh peredaran masa dan waktu.

Penghargaan

Jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Sabah dan Pusat Penyelidikan dan Inovasi, UMS di atas kelulusan geran Skim Geran *Acculturation* SGA003-2019 yang bertajuk *Adat dan Ritual Kematian Masyarakat Suluk di Sandakan menurut Pandangan Syarak*.

Rujukan

- Abd Mazli Gaddaf. (2020). *Adat dan Ritual Kematian Masyarakat Suluk*. 23 tahun. Kampung Pekan 2 Semporna. Temu bual, 16 Mac.
- Abdullah Siddik. (1971). *Penghantar Undang-undang Adat di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Daphne Iking. (2013). *Racism or Anger Over Social Injustice*, The Star News. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2013/07/17/racism-or-anger-over-social-injustice/>. Tarikh Capaian, 18 Jun 2021.
- Gaddaf Haron. (2020). *Adat dan Ritual Kematian Masyarakat Suluk*. 61 tahun. Kampung Pekan 2 Semporna. Temu bual, 16 Mac.
- Halina Sendera Mohd. Yakin. (2015). Adat Kematian Masyarakat Borneo dan Asia: Satu Tinjauan Perbandingan dari Aspek Budaya dan Pendekatan Kajian. *MANU. Bil. 22, 47-60*.
- Halina Sendera Mohd. Yakin. (2017). Pengaruh Budaya Tradisi dan Islam dalam Evolusi Adat dan Ritual Kematian Komuniti Bajau. *Akademika 87(3), Oktober 2017:33-48*.
- Hata Yunus@Sawabi. (2021). *Adat dan Ritual Kematian Masyarakat Suluk*. 52 tahun. Taman Indah Jaya, Sandakan. Temu bual, 15 Jun.
- Jim Hanskin. (1982). *The Philippines: Lands and Peoples, A Cultural Geography*. Grolier International.
- Jimlan Assi. (2020). *Adat dan Ritual Kematian Masyarakat Suluk*. 41 tahun. Kampung Bambangan, Sandakan. Temu bual, 17 Mac.
- Muda Maraki. (2020). *Adat dan Ritual Kematian Masyarakat Suluk*. 52 tahun. Kampung Bahagia, Sandakan. Temu bual, 16 Mac.
- Nordiana Mosum dan Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2017). Adat dan Kepercayaan dalam Ritual Kematian Masyarakat Bajau. *Jurnal Wacana Sarjana*. Jilid 1(1), Dis 2017: 1-18.
- Nordin Selat. (1976). *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Nur Basiah Ismail, Sharifuddin Zainal dan Sim Chee Cheang. (2017). Upacara Adat Kematian *Magpaturun Roh Arwah Ma Bahagi Pitu'* Tinjauan Awal Terhadap Elemen Teaterikal Teater. *Gendang Alam, Jilid 7, 2017. 97-113*.
- Romawi Assi. (2020). *Adat dan Ritual Kematian Masyarakat Suluk*. 37 tahun. Kampung Bambangan, Sandakan. Temu bual, 17 Mac.
- Saidatul Normis Hj. Mahali. (2010). *Adat dan Ritual Kematian di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Saleeby, Najeeb M. (1908), *The History of Sulu*. Manila: Bureau of Printing.
- Syamsul Azizul Marinsah, Mohd Anuar Ramli, Khairul Azhar Meerangani dan Muhammad Sayuti Sabdan. (2018). Pengambilkiraan 'Urf dan Adat dalam Fatwa Semasa: Analisis Terhadap Adat Kematian Bajau di Sabah. *Journal of Fatwa Management and Research*. April 2018.VOL. 12. 73-91.
- Syamsul Azizul Marinsah, Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin dan Mohd Anuar Ramli. 2019. Unsur Kearifan Tempatan dalam Adat Kematian Masyarakat Bajau di Sabah: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam. *MANU. Bil. 29, 2019 (Jun). 51-69*.
- Yap Beng Liang. 1993. *Orang Bajau Pulau Omadal: Aspek-aspek Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin Borhan. 1996. *Adat Istiadat Melayu, Melaka*. Institusi kajian Sejarah Patriotisme Malaysia, kerajaan Negeri Melaka. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.